



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
NEGERI SEMBILAN**

NOTIS SEBUT HARGA

JPV.NS.S. 4 /2023

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR UBAT-UBATAN DAN BAHAN KIMIA BAGI
PROGRAM KAWALAN PENYAKIT HAIWAN DAN ZONOTIK KEPADA
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SEMBILAN TAHUN 2023**

Pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 070301 Ubat Haiwan adalah dipelawa menyertai sebut harga ini. Bagi menyertai sebut harga ini, pembekal juga **wajib** mempunyai Sijil Ahli Farmaseutikal lantikan syarikat. Pelawaan terbuka kepada syarikat bertaraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera.

2. Borang sebut harga berserta Syarat-syarat Am/Khas boleh diperolehi di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan dengan harga RM 50.00 senaskhah bermula pada 10 FEBRUARI 2023. Satu (1) penyebut harga dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. **Tawaran Alternatif adalah tidak dibenarkan. Sila bawa bersama salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan yang menyenaraikan kod bidang 070301 Ubat Haiwan dan salinan Sijil Ahli Farmaseutikal Lantikan Syarikat.**

3. Permohonan hendaklah dimasukkan terus ke dalam peti tawaran di Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan, Lot 1504, Mukim Pantai, Batu 6, Jalan Jelebu, 71770 Seremban, Negeri Sembilan dalam sampul surat berlakri bertanda '**Sebut Harga JPV.NS.S. 4 /2023**'.

Tarikh tutup sebut harga adalah pada 17 FEBRUARI 2023 jam 12.00 tengah hari.

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri Sembilan Darul Khusus

7 Februari 2023